

Kes denggi 5 negeri naik

FAKTA
Kes seluruh
negara turun
minggu
pertama
bulan ini

Metro 17/5/2011

MS.50

PUTRAJAYA: Kes demam denggi di lima negeri membabitkan Sarawak, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur/Putrajaya), Negeri Sembilan, Pahang dan Perak didapati meningkat walaupun secara purata kes itu di seluruh negara menunjukkan penurunan pada minggu pertama bulan ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Hasan Abdul Rahman berkata, dalam tempoh itu kes di Sarawak meningkat lapan kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya (empat), Negeri Sembilan (tiga), Pahang (dua) dan Perak (satu).

Menurutnya, kes demam denggi di Negeri Sembilan dan Pahang menunjukkan peningkatan sejak dua minggu berturut-turut sementara bagi Kedah, Kelantan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, tiada wabak denggi dilaporkan.

"Sepanjang minggu ke 18 tahun ini iaitu bagi tempoh 1 hingga 7 Mei lalu, sejumlah 334 kes demam denggi dilaporkan iaitu turun sebanyak 28 kes (lapan peratus) berbanding 362 kes dengan satu kematian pada minggu sebelumnya.

"Malah, sepanjang tempoh berkenaan tiada kematian dilaporkan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Hasan berkata, ada tiga lokaliti kawasan panas dikesan iaitu di Selayang Baru K5, Gombak dan Pangsapuri Sri Mawar Bandar Sri Putra, Hulu Langat di Selangor dan di Flat Sri Perak, Sentul.

Menurutnya, Flat Sri Perak mencatatkan kes tertinggi iaitu 25 kes dalam tempoh sebulan berbanding dua lokaliti kawasan panas lain.

Katanya, sejak Januari hingga 7 Mei lalu, sebanyak 7,342 kes demam denggi dilaporkan, sekali gus menunjukkan penurunan sebanyak 57 peratus atau 9,873 kes berbanding 17,215 kes bagi



FF

Jumlah kematian akibat demam denggi juga turun sebanyak 79 peratus iaitu dari 56 kepada 12 kes"

>Datuk Dr Hasan Abdul Rahman
Ketua Pengarah Kesihatan

tempoh yang sama pada 2010.

"Jumlah kematian akibat demam denggi juga turun sebanyak 79 peratus iaitu dari 56 kepada 12 kes," katanya.

Beliau berkata, dalam membentuk tingkah laku positif orang ramai untuk mencegah penyakit demam denggi, Kementerian Kesihatan sudah menjalankan 1,108 aktiviti ceramah, selain mengedarkan lebih sejuta risalah di seluruh negara.

Malah, katanya, pihak kementerian juga menyiarkan iklan di stesen televisyen terpilih bermula Isnin lalu untuk memberi impak yang lebih berkesan dalam memerangi wabak berkenaan.

"Kita harap melalui pendekatan ini kita dapat memperkuat usaha masyarakat dalam mengamalkan kebersihan dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes," katanya.